

Isu batal projek jambatan indah

# Dr M jawab

# kenyataan Fuzi

BH-28/4/2006

## Goh Chok Tong terima cadangan tanpa syarat

**K**UALA LUMPUR: Perbalahan antara Tun Dr Mahathir Mohamad dengan kerajaan berkaitan keputusan Kabinet membatalkan pembinaan jambatan indah menggantikan Tambak Johor teretus semula semalam dengan bekas Perdana Menteri itu berkata beliau tidak dapat menerima alasan keputusan itu.

Dr Mahathir berkata, ketika beliau menjadi Perdana Menteri, rakan sejawatannya di Singapura ketika itu Goh Chok Tong sudah menerima cadangannya membina jambatan itu di sebelah Malaysia tanpa syarat.

Katanya, oleh kerana Singapura tidak sedia membuat keputusan membina jambatan di sebelahnya menggantikan Tambak Johor, beliau memberitahu Singapura bahawa Malaysia berhasrat membina jambatan di sebelahnya dan bercantum di bahagian Tambak Johor yang juga terletak di sebelah Malaysia.

"Tambak di sebelah Singapura tidak akan disentuh. Sambungan akan tetap antara bahagian Tambak Johor yang dikekalkan. Tidak ada syarat dikenakan bagi persetujuan ini, tidak ada pasir atau ruang udara disebut," kata Dr Mahathir dalam kenyataan semalam.

Beliau menjawab kenyataan Duta Tugas-tugas Khas Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Fuzi Abdul Razak Isnin lalu bahawa keputusan kerajaan membatalkan projek itu adalah pilihan terbaik memandangkan sentimen rakyat yang kuat menentang tuntutan Singapura agar Malaysia menjual pasir kepada republik itu dan membenarkan penggunaan ruang udara Malaysia untuk pesawat tenteranya.

Ahmad Fuzi berkata, keputusan itu dapat mengelakkan kedua-dua pihak dari bergelut dalam kancas politik dan perbalahan undang-undang yang tak berkesudahan, dan menyatakan, berikutan keputusan itu, Malaysia tidak perlu mempertimbang membatalkan pengharaman eksport pasir dan membenarkan Singapura menggunakan secara terhad ruang udaranya untuk penyelidikan dan kerja menyelamat.

"Penjelasan Tan Sri Fuzi yang berbelit mengenai jambatan itu hanya meyakinkan bahawa keutamaan dan hasrat kerajaan ialah menjual

pasir kepada Singapura. Jika ia tidak dibenarkan berbuat demikian maka Malaysia tidak akan dapat jambatan," kata Dr Mahathir dalam kenyataan 16 perenggan itu.

Dr Mahathir berkata, adalah jelas dan direkod secara bertulis yang beliau bercadang membina sebuah jambatan di sebelah Malaysia dan Perdana Menteri Singapura menyetujui.

"Jadi keputusan unilateral menjadi bilateral bila Singapura menyetujui dan menerimanya. Sebarang perubahan mestilah juga dipersetujui oleh kedua-dua pihak," katanya.

Dr Mahathir berkata, bagi Singapura menambah syarat lebih dua tahun kemudian bagi pembekalan 50 juta meter padu pasir untuk 20 tahun dan membenarkan Tentera Udara Singapura terbang di ruang udara Malaysia dianggap perubahan unilateral.

"Malaysia boleh menolak syarat baru itu dan memaksa Singapura mematuhi persetujuan antara dua Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir mengulangi bahawa jambatan Malaysia akan bercantum di Tambak Johor sebelah Malaysia dan satu-satunya cara Singapura boleh menyekat lalu lintas dari Tambak sebelah Malaysia ke sebelah Singapura ialah meletak sekatan di sempadan Tambak Johor.

"Ini pastinya tindakan tidak mesra. Ia tindakan Singapura memotong hidungnya hingga merosakkan mukanya.

**“Tambak di sebelah Singapura tidak akan disentuh. Sambungan akan tetap antara bahagian Tambak Johor yang dikekalkan. Tidak ada syarat dikenakan bagi persetujuan ini”**

**Tun Dr Mahathir Mohamad**  
Bekas Perdana Menteri

"Kesan kepada bisnes Singapura sekurang-kurangnya seburuk yang mungkin dihadapi Malaysia. Tetapi, pada realitinya, Singapura memerlukan Malaysia lebih daripada Malaysia memerlukan Singapura.

"Kita punya pelabuhan dan lapangan terbang menggantikan pelabuhan, lapangan terbang dan perkhidmatan lain Singapura," katanya.

Dr Mahathir berkata, tidak perlu dibimbangi hak Malaysia dalam perairan wilayahnya sendiri tetapi kerajaan tidak berusaha sebaiknya bagi menolak syarat dikenakan Singapura.

"Ia menyerah kononnya kerana pihak berkuasa undang-undang Malaysia percaya Singapura betul. Adalah menarik bila membaca alasan Peguam Negara menyimpulkan bahawa Singapura mempunyai apa yang disifatkan sebagai hak wilayah ekstra dan Malaysia tidak mempunyai hak kedaulatan dalam perairan wilayahnya sendiri," katanya.

Dr Mahathir mendakwa pada keseluruhannya, adalah jelas Kerajaan Malaysia lebih berminat menjual pasir kepada Singapura daripada membina jambatan.

"Minat menjual pasir ini agak aneh kerana Malaysia tidak memerlukan hasil dari jualan pasir. Walaupun saya berbelanja secara yang dikatakan begitu mewah ketika menjadi Perdana Menteri, Malaysia tidaklah begitu bankrap hingga ia perlu menjual pasir.

"Perihal ada pemimpin Malaysia tidak terkejut dengan idea mengorek satu bilion meter padu pasir dari dasar laut Malaysia bagi tempoh 20 tahun, dengan itu memusnahkan kawasan ikan membiak di perairan Malaysia, menyebabkan nelayan Malaysia hilang mata pencarian, merosakkan ekologi marin; adalah sesuatu yang sukar dibayangkan.

"Perihal ada pemimpin Malaysia sanggup melayani idea ini, untuk merosakkan laut Malaysia bagi memusnahkan Singapura tidak menunjukkan dengan baik cintanya terhadap negaranya," katanya.

Sementara itu, sumber kerajaan berkata: "Kami terkejut dengan pandangan Dr Mahathir.

"Kerajaan menghentikan rundingan mengenai jambatan kerana menjual pasir ke Singapura tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia," kata sumber itu. - Bernama